



PINGGAN-PINGGAN yang dipilih Anabelle juga semuanya daripada rona biru dan putih bagi menyuntik elemen kesenadaan dengan konsep tata rias Super Saigon.

Rona biru, putih latari Super Saigon



Oleh ZURAINI MOHD. KHALID

Premis yang terletak di kawasan Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, dengan hiasan dinding putih dalam hiasan...

EKSTRA

Super Saigon

- **Jenis premis:** Restoran
- **Konsep:** Gabungan rona biru dan putih
- **Keluasan:** 148 meter persegi
- **Alamat:** 28, Jalan Datuk Sulaiman, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur
- **Nombor telefon:** 03-77328874
- **Hidangan:** Masakan asli Vietnam



PADANAN kerusi dan meja dari rona putih dengan hiasan dinding rona biru pekat menyuntik suasana damai pada ruang menjamu selera.

Foto WAHIDAH ZAINAL



PEMILIK membawa meja dan kerusi kecil yang cukup sinonim di Vietnam ini bagi menyuntik elemen tradisional pada Super Saigon.

KAWASAN di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur tengah hari itu cukup sesak dengan kereta memandangkan jam menunjukkan waktu makan tengah hari.

Kesibukan kawasan itu menyebabkan kru *Jurnal* terpaksa berpusing beberapa kali untuk mencari ruang parkir yang paling hampir dengan Restoran Super Saigon yang menghiasi ruangan *Ruang* minggu ini.

Papan tanda restoran itu yang ditulis kemas menggunakan rona biru sememangnya cukup mudah dilihat dari bahu Jalan Datuk Sulaiman.

Sebaik sahaja kereta diparkir, langkah kaki kru *Jurnal* diatur mendekati pintu masuk premis itu dan bersedia untuk membongkar konsep dekorasi di Super Saigon.

Saat pintu kaca itu dikuak, mata terpaku melihat dekorasi segar yang cuba diketengahkan restoran yang memiliki keluasan sekitar 148 meter persegi tersebut.

Dinding putih polos di Super Saigon diserikan dengan dekorasi-dekorasi daripada rona biru, menjadikan suasana restoran kelihatan cukup mendamaikan.

Mykonos

Di satu sudut restoran itu, pemiliknya, Anabelle Co-Martinent sudah menunggu dan bersedia untuk ditemu bual.

Wanita berusia 41 tahun itu kemudiannya mula membuka bicara tentang Super Saigon dan konsep hiasan dalaman yang diketengahkan.

“Saya cukup suka melancong dan mengembara ke seluruh dunia, oleh itu sebelum membuka Super Saigon, saya mahu ia dihias dengan satu tema yang cantik dan menarik.

“Salah satu kawasan yang saya kunjungi ialah pulau Mykonos yang



PEMILIK cukup bijak menyuntik elemen segar dan semula jadi pada ruang restoran dengan meletakkan pokok besar di ruang makan.

Super Saigon



BAHAGIAN hadapan premis ini turut disertakan perkataan Pho pada lantai bagi menunjukkan jenis menu yang disajikan.



PEMILIHAN siling kaca menjadikan kawasan restoran nampak mewah dan unik.



DINDING dari rona putih menjadikan Super Saigon kelihatan luas.

...ak di Taman Tun Dr. Ismail itu menggabungkan dua warna iaitu biru dan ...n dalamnya dan hasilnya cukup memukau dan menenangkan.



UKIRAN dinding daripada rona biru pada sudut ini menyerlahkan dekorasi Super Saigon, seterusnya menjadikan suasana nampak harmoni.

terletak di Greek. Bangunan putih dengan air laut yang biru benar-benar membuatkan saya jatuh cinta dengan Mykonos.

"Ia cukup cantik dan menenangkan, lalu saya mengambil keputusan untuk menggunakan dua rona utama itu bagi menyerikan Super Saigon," ujar Anabelle memulakan bicara.

Ternyata, pemilihan dua rona tersebut menjadikan suasana restoran kelihatan memukau dan pengunjung yang datang menjamu selera juga boleh berasa seakan-akan sedang berada di sebuah pulau.

Bagi menjadikan suasana restoran bertambah cantik, Anabelle memilih untuk meletakkan sebatang pokok besar pada baha-

gian tengah restoran bagi menyuntik elemen segar.

"Sejujurnya, meletakkan pokok itu merupakan satu cabaran yang cukup besar memandangkan saiznya besar selain saya perlu memastikan ia tidak mengganggu pelanggan ketika menjamu selera," ujarnya.

Pinggan

Tarikan utama di Super Saigon sudah semestinya deretan pinggan-pinggan kecil pelbagai corak yang digantung kemas pada dinding kiri restoran.

Bagi hiasan pinggan itu, pemilik masih mengekalkan tema biru dan putih bagi mencipta kesenamaan dengan keseluruhan ruang restoran.

Ujar Anabelle, kebanyakan pinggan tersebut dibeli di negara-negara yang pernah dilawatinya seperti Jepun, Australia dan Singapura.

Hasilnya, dinding polos itu tampak lebih berseri dan ia merupakan antara ruangan kesukaan pelanggan untuk merakamkan gambar di Super Saigon.

Pemilihan jenis meja dan kerusi juga dilakukan dengan penuh berhati-hati memandangkan selaku pemilik, Anabelle mahukan meja yang selesa dan cantik.

"Contohnya, meja jenis marmar dari rona putih dan corak abstrak biru ini ditempah khas bagi memastikan ia kelihatan sepadan dengan dekorasi di Super Saigon.

"Selain sesuai dengan konsep restoran, saya juga mahukan meja yang nampak cantik apabila pengunjung merakamkan gambar makanan di sini," ujarnya.

Tidak lokek berkongsi, Anabelle memberitahu, kos dekorasi restorannya itu menelan belanja kira-kira RM800,000.

Anak kelahiran Kuala Lumpur itu percaya, sekiranya pemilik tidak lokek berbelanja untuk hiasan dalaman yang cantik di restoran mereka, pengunjung yang datang juga akan terpukau lalu mengunjungi restoran itu dengan kerap.

Pemilihan rona putih juga ternyata menjadikan kawasan itu kelihatan terang dan tidak memerlukan pencahayaan daripada lampu.

Konsep moden

Pintu dan dinding kaca juga turut membantu kerana ia menjadikan cahaya semula jadi begitu mudah masuk dan menerangi segenap ruang restoran tersebut.

Melihatkan tema yang diketengahkan, mungkin ramai yang akan menyangka restoran itu menyajikan masakan Barat. Begitu pun, Super Saigon merupakan sebuah restoran yang menyajikan masakan asli dari Vietnam dan menu utamanya ialah Pho Hoa iaitu mi berkuah daging Vietnam.

Menurut Anabelle, memandangkan kebanyakan restoran Vietnam di negara ini menggunakan konsep hiasan dalaman yang hampir sama, wanita itu mahukan sesuatu yang berbeza lalu menerapkan unsur moden supaya Super Saigon mempunyai tarikannya yang tersendiri.

Restoran itu boleh memuatkan sehingga 60 orang pengunjung pada satu-satu masa dan dibuka setiap hari bermula pukul 11.30 pagi sehingga 10.30 malam.



ANABELLE



SUPER SAIGON menyajikan Pho Hoa yang merupakan makanan tradisi masyarakat Vietnam.